

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI  
DI MAJLIS PELANCARAN PERSATUAN SURI DAN  
ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN PARLIMEN  
(SURIAWANISP), DI DEWAN BANKUASI  
BANGUNAN PARLIMEN, PADA HARI RABU  
14HB. FEBRUARI, 1990  
PUKUL 4.00 PETANG

SURIYA WANIS P.

M. Berusaha Saudari Pengerusi,  
YB terhormat

Yang Di-Pertua Dewan Negara,

Tan Sri Abang Haji Ahmad Urai bin Datuk

Hakim Abang Haji Mohiddeen; + Puan Sri Siti  
Munirah

Yang Di-Pertua Dewan Rakyat,

YB Tan Sri Mohamed Zahir bin Haji Ismail;

YDy. Datuk Hjh. Hasmah bt Hj. Zariah,  
Dif-Dif Kehormat; YDP. Suriawasp.

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian.

Assalamualaikum  
Salam sejahtera.

Saya mengucapkan terima kasih kerana dijemput hadir ke Majlis Pelancaran Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Parlimen (SURIAWANISP) dan seterusnya merasmikan Pelancaran Persatuan ini.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Penaja SURIAWANISP yang telah melahirkan inisiatif dan berusaha untuk menubuhkan persatuan suri dan pegawai-pegawai wanita di Parlimen ini. Penubuhan persatuan ini adalah kena pada masanya memandangkan bahawa Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) yang telah ditubuhkan tujuh tahun lalu telah dapat menggemblungkan tenaga mereka bagi faedah bersama.

...Sebagaimana/-



3. Sebagaimana yang dinyatakan dalam ucapan Yang Di-Pertua SURIAWANISP tadi, Perlembagaan Persatuan ini telah dibuat berasaskan kepada Perlembagaan PUSPANITA dengan membuat pindaan-pindaan tertentu. Oleh kerana perkhidmatan Parlimen terletak di bawah Perkara 65 Perlembagaan Persekutuan dan merupakan satu perkhidmatan yang berasingan maka SURIAWANISP tidak dapat dijadikan satu cawangan PUSPANITA. Oleh yang demikian persatuan ini hanya dapat bergabung sahaja dengan PUSPANITA.

4. Sebagai sebuah persatuan yang baru, sudah tentu SURIAWANISP akan menghadapi beberapa kesulitan, seperti yang dibayangkan dalam ucapan Yang Di-Pertua tadi, umpamanya kesukaran untuk mengadakan peruntukan

...kewangan/-

kewangan bagi memudahkan persatuan ini mencapai objektif-objektifnya.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

5. SURIAWANISP adalah sebuah persatuan yang kecil dan tidak mempunyai potensi keahlian yang ramai. Bilangan pegawai dan kakitangan wanita serta lelaki dalam Perkhidmatan Parlimen adalah kurang daripada 200 orang. Oleh itu adalah penting bagi semua pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Parlimen, memberi sepenuh sokongan, khasnya mereka yang menjadi ahli. Bukan sahaja semua pegawai dan kakitangan wanita seharusnya menjadi ahli SURIAWANISP, bahkan semua pegawai dan kakitangan lelaki juga hendaklah menggalakkan isteri-isteri mereka memberi sokongan kepada

...persatuan/-

persatuan ini. Maju dan mundurnya sesuatu persatuan itu adalah bergantung kepada sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh ahli-ahlinya.

6. Saya ingin menyentuh sedikit tentang objektif persatuan ini sebagaimana yang tercatat dalam Perlembagaannya. Selain daripada merapatkan perhubungan muhibah di kalangan ahli-ahli SURIAWANISP, suatu perkara penting yang harus dititikberatkan ialah mengenai perancangan program kemajuan diri. Saya yakin sekiranya SURIAWANISP dapat merancang dan mengaturkan program ini dengan baik serta melaksanakannya dengan jaya, maka tujuan utama menubuhkan persatuan ini dengan sendirinya akan tercapai.

...Satu/-

7. Satu lagi perkara yang saya hendak sebutkan di sini ialah mengenai hubungan SURIAWANISP dengan persatuan-persatuan lain. Sebagai persatuan yang baru sahaja ditubuhkan, adalah penting hubungan ini diwujudkan bagi memupuk semangat persaudaraan. Dengan adanya hubungan yang baik, SURIAWANISP juga akan dapat mempelajari rancangan dan aktiviti-aktiviti persatuan lain dan mencontohinya.

8. Salah satu daripada objektif persatuan ini adalah untuk menggalakkan ahli-ahlinya melibatkan diri dengan kerja-kerja amal bagi faedah ahli dan keluarga mereka serta masyarakat. Adalah penting persatuan ini mengadakan aktiviti-aktiviti yang bercorak kemasyarakatan supaya dapat berbakti dan

...memberi/-

memberi khidmat kepada masyarakat, agama dan bangsa.

9. Adalah diharapkan ahli-ahli persatuan menggunakan persatuan mereka untuk menjalankan berbagai-bagai aktiviti dengan lebih berkesan. Saya percaya kegiatan-kegiatan persatuan yang bertujuan mendatangkan kemajuan diri kepada ahli-ahli akan dapat membantu mereka menjadi pekerja-pekerja yang lebih bertanggungjawab dan produktif. Melalui ceramah-ceramah dan seminar-seminar yang tertentu mereka juga akan dapat menjadi isteri-isteri dan ibu-ibu yang lebih terlatih dan bertanggungjawab terhadap suami dan rumahtangga. Sebaliknya persatuan ini juga hendaklah mewujudkan perasaan tanggungjawab di kalangan ahli-ahli

...yang/-

- 7 -

yang terdiri daripada suri-suri atau isteri-isteri kepada pegawai-pegawai dan kakitangan lelaki di Parlimen ini. Saya berharap SURIAWANISP akan dapat menjadi alat pendorong bagi mereka ini memainkan peranan yang lebih penting di dalam persatuan. Dengan cara ini maka persatuan SURIAWANISP bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan di antara pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan wanita dengan suri-suri, bahkan juga akan dapat memupuk dan menggemblungkan tenaga dan bakat suri-suri yang sangat diperlukan oleh persatuan.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

10. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli

...Jawatankuasa/-



Jawatankuasa Penaja SURIAWANISP atas inisiatif dan usaha menjayakan penubuhan persatuan ini. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Parlimen Malaysia (SURIAWANISP).

Maabillahi taufiq & hidayah  
Wasealamu alaikum .  
\*\*\*\*\*

والله  
وَابِيَّ اللَّهِ تَوْفِيكَ وَالْهَيْجَابُ  
وَأَسْأَلُكَ فَعَلَيْكُمْ

